

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, July 20, 2017 8:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SMTCom 2017 Platform Ahli Akademik SMMTC Dan SCIMPA Hasilkan Penerbitan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

20 JULAI 2017 / 26 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SMTCom17 PLATFORM AHLI AKADEMIK SMMTC DAN SCIMPA HASILKAN PENERBITAN



UUM ONLINE: Bagi membolehkan ahli-ahli akademik berkongsi penyelidikan dan menghasilkan penerbitan dalam bentuk buku, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) Universiti Utara Malaysia (UUM) menganjurkan Seminar on Multimedia Technology and Communication (SMTCom17) bermula 19 hingga 20 Julai di EDC Hotels & Resorts dan SMMTC.

Bertemakan *Rethinking the Mediascape: The Future of Multimedia, Communication and Innovation*, penganjuran edisi kedua ini melibatkan 45 ahli-ahli akademik dari SMMTC dan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA).

Perasmian SMTCom17 telah disempurnakan Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS), Prof Dr Norshuhada Shiratuddin mewakili Penolong Naib Canselor College of Arts and Sciences (CAS).

Prof Dr Norshuhada dalam ucapan perasmiannya merakamkan tahniah atas penganjuran seminar tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan penerbitan dalam kalangan ahli akademik di SMMTC dan SCIMPA.

"Penerbitan amat penting untuk membantu meningkatkan ranking universiti. UUM masih jauh di belakang dalam bidang penerbitan dan ianya perlu ditingkatkan untuk memastikan UUM dapat mencapai sasarannya untuk berada dalam kelompok 300 universiti terbaik dunia dalam QS World University Rankings (WUR) pada 2020.

"Justeru saya amat menghargai penganjuran seminar ini yang sedikit sebanyak dapat membantu mencapai hasrat tersebut," ujarnya.

Sebanyak 49 kertas kerja dibentangkan dan empat buah buku akan dihasilkan berdasarkan bidang penjurusan yang terdapat di dua buah pusat pengajian berkenaan iaitu komunikasi, teknologi media dan multimedia.

Sementara itu, Dekan SMMTC, Prof Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib berkata walaupun seminar itu berskala kecil namun ianya diyakini mempunyai impak yang besar.

"Seminar ini akan meningkatkan semangat para ahli akademik, seterusnya kita akan membuat tindakan untuk mencapai kecemerlangan," katanya.

Prof Dr Norshuhada turut menyampaikan ucap utama bertajuk *The Future of Multimedia Communication and Innovation* pada seminar itu.

Hadir sama pada majlis perasmian itu, Dekan SCIMPA, Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin dan pegawai-pegawai UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.